

Keputusan terhadap saham internet, pameran hantu dan jin

# Jauhi dua benda haram

Oleh HISHAM IDRIS  
hisham@kosmo.com.my



KUALA TERENGGANU - Pelaburan menerusi skim saham di internet dan penganjuran pameran hantu, jin dan keranda semuanya adalah haram.

Begitulah keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan selepas mengadakan mesyuarat buat kali ke-77 di Hotel Primula di sini semalam.

Pengerusinya, Profesor Datuk Dr. Abdul Shukor Husin (**gambar**) berkata, sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap seperti yang ditawarkan skim *SwissCash* (pernah didedahkan oleh *KOSMO!*) adalah dilarang.

Katanya, umat Islam mempunyai pelbagai alternatif lain untuk melabur.

"Pilihlah pelaburan yang berlandaskan Islam," katanya.

Menurutnya, keputusan menegah penganjuran pameran hantu, jin dan keranda pula dibuat kerana ia adalah berkaitan perkara

ghaib yang hakikatnya tidak boleh dicapai oleh fitrah manusia.

"Kita tidak mahu lagi melihat umat Islam terus disogok dengan perkara-perkara tahyul dan khurafat," ujarinya.

Mengulas lebih lanjut mengenai perkara tersebut Abdul Shukor berkata, ia sering menimbulkan pertikaian apabila muncul di dalam media cetak dan elektronik.

"Pameran berbentuk demikian boleh menjadi makruh dan seterusnya haram apabila mendatangkan mudarat kepada akidah," katanya.

Oleh itu, beliau menasihatkan mana-mana pihak yang ingin menganjurkan pameran berkenaan pada masa akan datang supaya tidak berbuat demikian kerana pada pandangan agama ia tidak mendatangkan apa-apa faedah.

Sementara itu, menurut Abdul Shukor, dalam mesyuarat tiga hari yang berakhir semalam, pihaknya juga menetapkan peng-

gunaan nada dering melibatkan ayat al-Quran dan azan di telefon bimbit adalah harus dan dibenarkan dengan syarat penggunaannya menjaga adab serta kesucian ayat-ayat tersebut.

"Kita tiada halangan terhadap penggunaan nada dering ayat al-Quran dan azan, cuma jangan gunakannya di tempat-tempat atau majlis yang tidak sesuai dan boleh mencemarkan kesuciannya," ujarinya.

Dalam pada itu, bagi menjawab isu penamaan golongan saudara baru yang ditimbulkan oleh Mufti Perlis, Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin baru-baru ini, katanya, Majlis Fatwa Kebangsaan tidak pernah mewajibkan penukaran nama bapa kepada Abdullah bagi yang baru memeluk agama Islam.

Katanya, saudara baru hanya dinasihatkan supaya menukar nama bapa kepada Abdullah jika nama bapa yang sedia ada mempunyai makna tidak sopan atau melambangkan tuhan agama mereka yang dahulu.

"Perkara ini jelas dalam garis panduan Mesyuarat Majlis Fatwa Kebangsaan ke-44 yang lepas dan Perlis juga setuju, cuma berbeza sedikit mereka ingin kekalkan nama bapa sebelum Islam," ujarinya.